



**“PENGURUSAN HARTA DALAM
KONTEKS *TABARRUAT MARAD
MARADUL MAWT* MENURUT
PANDANGAN FUQAHA”**

**AP Dr. Abdul Bari Bin Awang. Dr Amilah Binti Awang Abd. Rahman
Naimah Binti Mohamad Nasir**

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

**The 5th International Conference of Management and Muamalah
2018 (5th ICoMM 2018)**

15& 16 Ogos 2018, Hotel Tenera, Bandar Baru Bangi


PERNYATAAN MASALAH

**1.SAKIT MARADUL MAWT
SUATU PERKARA YANG
KOMPLEKS**

**2. KEADAAN PESAKIT
MEMPENGARUHI PEMBERIAN
SUKARELA SESEORANG**

**3.SALAH FAHAM
MASYARAKAT TENTANG
PEMBERIAN**

OBJEKTIF KAJIAN



PENDAHULUAN

- Tabarruat atau pemberian sukarela adalah suatu kebaikan berpanjangan
- Islam Mengiktiraf pemilikan seseorang terhadap hartanya
- Terdapat Hadis berkaitan “Marad Maradul Mawt”
- Terdapat peruntukan undang-undang untuk kes “Marad Maradul Mawt”

KAJIAN LITERATUR

**A. PENGENALPASTIAN
DAN PENENTUAN (5)**

B. KESAN DAN HUKUM(2)

C.APLIKASI (2)

A. PENGENALPASTIAN & PENENTUAN

1. KONSEP TABARRUAT DALAM ISU MARAD MARADUL MAWT

2. DEFINISI MARAD MARADUL MAWT (PENYAKIT TERMINAL)

4. KONSEP AHLIYAH DAN MASA DALAM ISU TABARRUAT PESAKIT MARAD MARADUL MAWT

3. SYARAT PENYAKIT ATAU KEADAAN YANG DIKATEGORIKAN SEBAGAI MARAD MARADUL MAWT

5. PERBEZAAN ANTARA MARAD MARADUL MAWT DENGAN PENYAKIT LAIN

B. KESANATAUHKUM

1. HUKUM HIBAH DAN WASIAT KETIKA
MARAD MARADUL MAWT

2. HUKUM WAKAF KETIKA MARAD
MARADUL MAWT

C. APLIKASI UMUM

1. PENGURUSAN HARTA BAGI ISU
TABARRUAT PESAKIT MARAD MARADUL
MAWT

2. KEPENTINGAN PENGURUSAN HARTA
MARAD MARADUL MAWT

**A. PENGENALPASTIAN
DAN PENENTUAN ISU
TABARRUAT MARAD
MARADUL MAWT**



KONSEP *TABARRUAT* DALAM ISU *MARAD MARADUL MAWT*

DEFINISI

Tabarruat (*jama'*) tabarru' bermaksud seseorang melakukan **pemberian secara sukarela** tanpa disuruh dan dilakukan tanpa mengharapkan balasan. (Ibn Manzur, Al-Fayumi).


Mengandung makna akad yang dipersetujui oleh dua pihak atau pemberian atas kehendak satu pihak.

BENTUK & KADAR

a'yn (fizikal) dan manfaat, **tiada kadar tertentu**

PEMBAHAGIAN

Termasuk **hibah, wasiat dan wakaf**, sedekah, hadiah dan sebagainya



Walaupun tiada kadar yang tetap, pemberi harus menjaga **prinsip keadilan dan batas** ($\frac{1}{3}$ kadar wasiat marad maradul mawt)

kecuaian akan menyebabkan hak orang lain **terganggu** (hak waris dan peminjam)

JENIS-JENIS TABARRUAT

WASIAT

“Pemilikan harta kepada orang lain yang berlaku selepas kematian dengan cara pemberian sukarela samada dalam bentuk harta fizikal (*‘ayn*) atau manfaat”

HIBAH

pemberian harta secara sukarela tanpa paksaan kepada seseorang yang lain pada masa hidupnya tanpa balasan (*iwadh*) sama ada dalam bentuk fizikal (*‘ayn*) atau manfaat bukan tujuan mendapat pahala akhirat dan memuliakan seseorang

WAKAF

“menahan harta yang bermanfaat, serta kekal pada fizikalnya, untuk diberikan kepada jalan kebaikan”



DEFINISI MARAD MARADUL MAWT

Marad (مرض)



Mawt (موت)

“ Suatu penyakit atau perkara yang **melemahkan** lelaki atau wanita dalam melakukan aktiviti sehariannya sehingga boleh **membawa kepada kematian** dalam tempoh setahun atau lebih dari setahun apabila keadaan bertambah kritikal **samada terlantar ataupun tidak**” (Daym)

SYARAT ATAU KEADAAN MARAD MARADUL MAWT

1. Ketidakmampuan dalam melakukan aktivitas sehari-hari

2. Perasaan takut kepada kematian

3. Berlaku kematian dalam tempoh tertentu

KONSEP AHLIYAH DAN TABARRUAT MARAD MARADUL MAWT

- 1) *Ahliyyah* ialah kemampuan dan kelayakan seseorang untuk memikul segala tanggungjawab atau *taklif* atas segala perkataan dan perbuatan yang dilakukannya. (Zaidan)
- 2) Seseorang yang melakukan pemberian sukarela perlu mencapai akal yang **baligh** dan **rushd** (*Ahliyyah Kamilah*) (Zarqa')
- 3) *Marad maradul mawt* merupakan (*Awaridul Ahliyyah*) halangan kepada kemampuan dan perbuatan seseorang terhadap diri dan hartanya
- 4) Para ulama berpendapat *Marad maradul mawt* tetap mempunyai (*Ahliyyah Kamilah*) *selagi tidak mengganggu keupayaannya berfikir secara rasional.*

PERBEZAAN MARAD MARADUL MAWT DENGAN PENYAKIT LAIN

- Rawatan dan penawar bagi setiap penyakit semakin banyak ditemui pada zaman sekarang
- Kesembuhan penyakit berbeza dari individu ke individu yang lain.
- **Para ulama tidak meletakkan senarai khusus** bagi penyakit *marad maradul mawt* ini.

PEMBAHAGIAN PENYAKIT

1. Penyakit biasa

2. Penyakit kronik berpanjangan

4. Penyakit yang diyakini boleh membawa kematian

4. Penyakit yang ditakuti padanya boleh membawa kematian

5. Perkara yang menyerupai Marad maradul mawt

B. KESAN & HUKUM



HUKUM HIBAH DAN WASIAT KETIKA MARAD MARADUL MAWT



PESAKIT YANG TIDAK
BERHUTANG &
MEMPUNYAI WARIS



PESAKIT YANG TIDAK
BERHUTANG & TIDAK
MEMPUNYAI WARIS
ATAU MEMPUNYAI
SEORANG WARIS



PESAKIT YANG
BERHUTANG &
MEMPUNYAI WARIS
ATAU TIDAK

KEADAAN (1): PESAKIT YANG TIDAK BERHUTANG & MEMPUNYAI WARIS

PENDAPAT	DALIL
<p>Jumhur ulama: Hibah dan wasiat tertakluk kadar 1/3. #sekiranya hendak menhibahkan lebih dari 1/3 perlu izin daripada waris</p>	<p>Daripada Abu Hurairah <i>radiallahu anhu</i> berkata sabda rasulullah <i>salallahu alaihi wasallam</i> sesungguhnya Allah bersedekah kepada kamu satu pertiga harta kamu ketika saat hampir mati sebagai penambahan kebaikanmu agar dapat menambah pahala amalanmu.</p>
	<p>Daripada Saad bin Abi Waqas "...Rasulullah s.a.w menjawab: "Sepertiga itu cukup banyak dan besar, sesungguhnya jika engkau meninggalkan ahli warismu kaya-kaya, lebih baik daripada kau tinggalkan mereka miskin, hingga terpaksa meminta-minta pada orang. ..."</p>
	<p>Qiyas kepada wasiat</p>

PENDAPAT	DALIL
<p>Mazhab Zahiri: Tiada had dalam pemberian. (boleh memberi lebih 1/3)</p>	<p>Pemilik harta bebas melakukan apa sahaja terhadap hartanya</p>
	<p>Pemilik memiliki hak penuh terhadap hartanya , maka waris dan orang lain tidak mempunyai hak atas harta tersebut</p>

RAJIH

PENDAPAT JUMHUR ULAMA', KERANA;

- ✓ dalil-dalinya jelas dan kuat,
- ✓ menepati konsep pemilikan
- ✓ menjaga kemaslahatan dan mengelak kemudaratan

KEADAAN (2): PESAKIT YANG TIDAK BERHUTANG & TIDAK MEMPUNYAI WARIS ATAU MEMPUNYAI SEORANG WARIS

PENDAPAT	DALIL/PENJELASAN
<p><i>Syafiyyah dan Malikiyyah:</i> Hibah dan wasiat tertakluk kadar 1/3.</p>	<p>Lebih daripada 1/3 harta merupakan hak muslimin yang lain. Malah, imam atau pemerintah sendiri tidak boleh sewenang-wenangnya membenarkan kadar melebihi satu pertiga kerana boleh mendatangkan mudarat kepada baitulmal.</p>
<p><i>Hanafiyyah:</i> Tiada had dalam pemberian.</p>	<p>Pesakit berhak melakukan apa sahaja terhadap hartanya, termasuk menghibahkan semua hartanya</p>

RAJIH

PENDAPAT HANAFIYYAH', KERANA; punca masalah harta tertakluk pada kadar wasiat $\frac{1}{3}$ kerana terdapat hak waris dan peminjam hutang.

KEADAAN (3): PESAKIT YANG BERHUTANG & MEMPUNYAI WARIS ATAU TIDAK.

HUTANG YANG
MELEBIHI HARTANYA



Hibah boleh
dibatalkan oleh
peminjam hutang

HUTANG
SEBAHAGIAN
DARIPADA HARTA




Pemberian $\frac{1}{3}$
(Tanpa izin waris)



Pemberian melebihi
 $\frac{1}{3}$
(Perlu izin waris)

HUKUM WAKAF KETIKA MARAD MARADUL MAWT



PESAKIT YANG TIDAK
BERHUTANG &
MEMPUNYAI WARIS



PESAKIT YANG
BERHUTANG &
MEMPUNYAI WARIS
ATAU TIDAK

KEADAAN (1): PESAKIT YANG TIDAK BERHUTANG & MEMPUNYAI WARIS

KADAR	PIHAK YANG MENDAPAT
Kadar $\frac{1}{3}$	Untuk waris (perlu meminta izin waris-waris lain), kerana keadaan asal wakaf tidak boleh diberikan kepada waris
	Untuk bukan waris (Dilaksanakan tanpa izin waris)
Melebihi $\frac{1}{3}$	Waris atau bukan waris (perlu meminta izin waris-waris lain)

KEADAAN (2): PESAKIT YANG BERHUTANG & MEMPUNYAI WARIS ATAU TIDAK

HUTANG YANG
MELEBIHI HARTANYA



Wakaf boleh dibatalkan
dan dibenarkan oleh
peminjam hutang

HUTANG
SEBAHAGIAN
DARIPADA HARTA



Pemberian 1/3
Terlaksana
waris-perlu izin
atau
bukan waris-tak
perlu izin-



Pemberian melebihi
1/3
(Bila ketiadaan waris)


C.APLIKASI UMUM



PENGURUSAN HARTA BAGI ISU TABARRUAT PESAKIT MARAD MARADUL MAWT

Pengurusan harta melibatkan urusan mengelola, mengurus, mengawal, merancang, mengembangkan harta pada masa akan datang mengikut peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan

(Mohd Zamro Muda, 2008)



KEPENTINGAN PENGURUSAN HARTA BAGI ISU TABARRUAT PESAKIT MARAD MARADUL MAWT

1. Menegakkan keadilan dalam hukum islam

2. Menjaga kemaslahatan dan menolak
kemudaratan daripada berlaku

3. Mengelak daripada tohmahan dan fitnah
terhadap pemberian sukarela yang dibuat

4. Mengelak daripada berlaku permusuhan dan pergaduhan

5. Memudahkan urusan faraid

6. Mengurangkan statistik dan kadar pembekuan harta.

KESIMPULAN

1. PESAKIT MARADUL MAWT MEMPUNYAI *AHLIYYAH KAMILAH* SELAGI TIDAK MENGANGGU AKAL.
2. BUKAN SEMUA YANG SAKIT DIKENALPASTI SEBAGAI MARAD MARADUL MAWT MELAINKAN MEMENUHI SYARAT-SYARATNYA.
3. PUNCA HUKUM KHAS MARAD MARADUL MAWT TERTAKLUK PADA 1/3 KERANA TERDAPAT HAK WARIS DAN PEMINJAM HUTANG.
4. PEMBERIAN BUKAN TENTANG KUANTITI TAPI KEMASLAHATAN HASIL PEMBERIAN TERSEBUT.
5. PERANCANGAN AWAL MEMBANTU DALAM MENYELESAIKAN MASALAH PENGURUSAN HARTA MARAD MARADUL MAWT.
6. TERDAPAT PADA ISU MARAD MARADUL MAWT 6 KEPENTINGAN PENGURUSAN HARTA

An aerial photograph of Kuala Lumpur, Malaysia, during sunset. The Petronas Twin Towers are the central focus, illuminated against a sky of orange, pink, and blue. The city's dense urban landscape, including various skyscrapers and green spaces, is visible in the foreground and background.

TERIMA KASIH